

25/11/2001

Negara Islam: Rakyat tidak perlu takut kenyataan PM

KOTA KINABALU: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata rakyat bukan Islam tidak perlu bimbang dengan kenyataan Perdana Menteri mengenai status Malaysia sebagai negara Islam.

Katanya, kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu cukup jelas dan sebarang perubahan perlembagaan negara berhubung negara Islam tidak akan dibuat.

"Rakyat bukan Islam tidak perlu takut, hak mereka sentiasa terjamin mengikut perlembagaan dan bebas menjalankan kegiatan keagamaan masing-masing tanpa sebarang sekatan," katanya ketika berucap merasmikan Kongres ke-12 Parti Liberal Demokratik (LDP) di Hotel Magellan Sutera di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden LDP yang juga Ketua Menteri Sabah, Datuk Chong Kah Kiat; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman dan pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

LDP yang ditubuhkan pada 1989 menyertai BN pada 1991 adalah parti Cina kedua terbesar selain Parti Maju Sabah (SAPP) pimpinan bekas Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN Pusat berkata, ada pihak termasuk daripada kalangan anggota BN melahirkan rasa bimbang berhubung kenyataan itu.

"Kerajaan memberi jaminan semua penduduk di negara ini akan terus menikmati kebebasan seperti yang termaktub di dalam perlembagaan negara.

"Kenyataan PM itu tidak perlu dibincangkan kerana ia tidak menjejaskan kehidupan dan budaya masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Abdullah berkata, yang penting kerajaan dapat merapatkan kerjasama di antara kaum dan agama dengan semangat saling hormat menghormati, masa depan negara menjadi lebih cerah.

Pada majlis itu, beliau turut meminta kerajaan BN negeri supaya membuktikan kebolehan mereka membangunkan negeri walaupun terpaksa berhadapan dengan kemelesetan ekonomi yang teruk sekarang.

"Walaupun menghadapi kegawatan ekonomi, pembangunan negeri tidak boleh diabaikan kerana rakyat sudah memberi mandat melalui undi besar kepada kerajaan BN untuk memerintah, jadi buktikan kemampuan kita untuk beri keselesaan kepada rakyat.

"Sabah mempunyai sumber yang cukup, sektor awam dan swasta perlu digembelinkan bagi membolehkan sumber yang ada terutama dalam sektor pertanian untuk membangunkan negeri ini," katanya.

Abdullah berkata, Kerajaan Persekutuan akan terus memberi kerjasama dengan kerajaan negeri dalam membangunkan Sabah dengan menyalurkan peruntukan perlu untuk menyediakan kemudahan kepada rakyat.

Sementara itu, Chong ketika berucap berkata, LDP amat yakin dengan matlamat BN yang dapat merapatkan hubungan dan kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

"LDP percaya dengan memencilkan diri dan mengamalkan sikap mementingkan parti sendiri saja, ia akan menimbulkan kerosakan kepada Sabah," katanya.

(END)